

Sebanyak 69 buah rumah musnah sehingga mangsa tinggal sehelai sepinggang

Agong ziarah mangsa kebakaran



AL-SULTAN ABDULLAH (empat dari kiri) melawat lokasi kebakaran di Kampung Otentik, Tanjung Batu Keramat, Tawau semalam.

TAWAU - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli menziarah mangsa kebakaran Kampung Otentik, Tanjung Batu Keramat dekat sini semalam bagi memenuhi hasrat baginda untuk bersama rakyat yang ditimpa musibah.

Seri Paduka bertitah bahawa baginda terpanggil untuk menziarahi mangsa kampung itu setelah mengetahui kejadian kebakaran ketika baginda berada di Jakarta, Indonesia.

"Apabila saya terbaca dan terlihat dalam berita mengenai kejadian kebakaran di sini (Kampung Otentik), hati saya memang sudah terpanggil agar saya mesti datang ke sini kerana saya hendak merasai kesusahannya dan keperitan yang dilalui mangsa kebakaran.

"Pada Hari Kebangsaan baru-baru ini, kebetulan ada satu kejadian kebakaran di sebuah perkampungan di Sungai Lem-

bing, Pahang, tetapi saya sudah komited untuk ke Tawau dulu dan kemudian, saya akan berkunjung ke Pahang." titahnya ketika menziarahi mangsa kebakaran kampung itu di Masjid Al-Mukarramah, Tanjung Batu Keramat di sini semalam.

Seri Paduka melahirkan penghargaan kepada Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Dr. Juhar Mahiruddin, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal serta jabatan dan agensi terlibat kerana menjayakan ziarah baginda ke kampung itu.

Baginda turut mengajak rakyat memberi penghargaan kepada pasukan penyelamat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Polis Diraja Malaysia atas tindakan pantas pasukan berkenaan untuk mengawal kebakaran daripada merebak dan tanpa melibatkan sebarang kemalangan jiwa.

"Saya mengagap kehadiran kita bersama di sini sebagai satu

rahmat daripada Allah supaya kita ingat dan bersabar serta mempelajari musibah yang dilalui.

"Saya telah mendengar (taklimat kejadian oleh JBPM) dan memperhatikan kedudukan rumah di kampung ini yang dibina agak rapat dan boleh mendatangkan bahaya. Saya berharap kerajaan dapat mengkaji mengenai (rancangan) bina semula rumah untuk mangsa dan saya berdoa agar rumah dibina selamat diduduki," titahnya lagi.

Pada lawatan itu, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada 87 ketua isi rumah yang terjejas oleh kebakaran pada malam 26 Ogos lalu.

Baginda turut mendengar taklimat kejadian kebakaran itu oleh Pengarah JBPM Sabah, Kamarulzaman Malik Abdullah dan meninjau tapak kejadian yang telah memusnahkan 69 rumah dan mengakibatkan 511 orang tinggal sehelai sepinggang. - Bernama

Barangan jualan kedai serbaneka hangus

KUALA PILAH - Sebuah kedai serbaneka di Jalan Tung Yen di pekan Kuala Pilah di sini terbakar dalam kejadian kira-kira pukul 9.20 malam semalam.


Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Pilah, Eva Saifun Kamuni berkata, kebakaran itu melibatkan tingkat bawah premis tersebut.

"Kedai tersebut terbakar 40 peratus, namun tiada mangsa terlibat.

"Kebakaran dapat dikawal daripada merebak ke tingkat atas dan bangunan bersebelahan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Eva Saifun berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 9.23 malam dan tiba di lokasi kejadian kira-kira tiga minit kemudian.

"Seramai sembilan pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Pi-



KEDAI serbaneka musnah 40 peratus dalam kejadian kebakaran di pekan Kuala Pilah semalam.

lah bersama beberapa buah jentera dikerahkan memadamkan kebakaran itu.

"Api dapat dikawal daripada merebak kira-kira pukul 9.28 malam sebelum

kebakaran berjaya dipadamkan sepenuhnya pada pukul 10.26 malam. Nilai kerugian dan punca kebakaran masih dalam siasatan pihak bomba," katanya.

Rumah teres dijilat api

SEBERANG PERAI - Sebuah rumah teres setingkat di Taman Machang Bubuk, Bukit Mertajam di sini hangus dijilat api dalam kebakaran semalam.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri berkata, kejadian kira-kira pukul 12.15 tengah hari itu melibatkan sebuah kediaman berkekuasaan kira-kira 120 meter persegi.


"Anggaran peratusan kemusnahan akibat kebakaran ketika bomba tiba adalah kira-kira 85 peratus.

"Api kemudian dapat dikawal pada pukul 12.45 tengah hari sebelum dipadamkan," katanya kepada pemberita semalam.

Katanya, kejadian tersebut bagaimanapun tidak melibatkan sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa.

"Pihak bomba sedang menyasat punca kejadian itu.

"Operasi berkenaan dijalankan oleh pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Perai dan Bandar Perda di sini," jelasnya.



KEBAKARAN memusnahkan keseluruhan sebuah rumah teres di Taman Machang Bubuk, Bukit Mertajam semalam.

Mekanisme bendung aktiviti pembuangan sampah dikenal pasti

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan negeri akan mengenal pasti mekanisme bagi membendung aktiviti pembuangan dan pembakaran sampah melibatkan kawasan yang tidak berada di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri,

Dzulkefly Ahmad berkata, mekanisme itu adalah dengan memasukkan kawasan-kawasan yang dikenal pasti di bawah tindakan PBT atau melakukan kutipan cukai pintu pada kadar munasabah bagi peringkat permulaan.

Katanya, isu pembuangan dan pembakaran sampah didapati berlaku di Iskandar

Puteri dan Pengerang dekat Kota Tinggi dan di kawasan sekitarnya berikutan permintaan rumah sewa yang tinggi.

"Banyak permintaan rumah-rumah sewa sedangkan kawasan ini di luar kawasan tindakan majlis dan sampah tidak dikutip Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, malah mereka juga tidak bayar cukai pintu.

"Perkara ini juga berlaku di pekan Gelang Patah dan Bukit Tempurung, di mana ratusan rumah sewa didirikan. Tempat buang sampah tidak ada, jadi apa yang mereka buat, salah satunya buang di kawasan kebun yang kosong ataupun mereka bakar," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.